

PENGANTARABANGSAAN PENDIDIKAN TINGGI: AMALAN DAN CABARAN

**Irma Wani Othman^{1*}, Mohd Kamal Mohd Shah²,
Muhammad Safuan Yusoff³, Norazah Mohd Suki⁴,
Hasbullah Awang⁵ dan Herlina Jupiter⁶**

¹*Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah,

²Faculty of Engineering, Universiti Malaysia Sabah

^{3, 4, 5, 6}Labuan Faculty of International Finance, Universiti Malaysia Sabah.

ABSTRAK

Amalan dasar pengantarabangsaan pendidikan tinggi negara meletakkan pemahaman terhadap pelaksanaan strategik dan komprehensif dilihat dari perspektif berbeza oleh pelbagai pihak yang terlibat. Dalam usaha menonjolkan keterlihatan Malaysia sebagai hab kecemerlangan akademik di persada antarabangsa, antara cabaran yang dihadapi memberi tumpuan terutamanya dari aspek penglibatan para akademik ekspatriat dalam merangsang kegiatan peringkat antarabangsa pendidikan tinggi negara dan peningkatan kapasiti enrolmen pelajar antarabangsa bagi pembudayaan ilmu dan pembangunan minda kelas pertama. Bertitiktolak dari perdebatan tersebut, kertas kerja ini bertujuan untuk menerokai kepelbagaiam amalan dan cabaran dilalui oleh komuniti universiti iaitu para akademik ekspatriat, golongan mahasiswa antarabangsa dan pihak pengurusan universiti dalam mencorak keperluan dan kepentingan strategik universiti seiring dengan peralihan kontemporari pendidikan tinggi menuju ke arah pengantarabangsaan. Perbincangan kertas kerja ini berdasarkan hasil kajian yang dilakukan terhadap 55 orang informan yang dipilih dari sepuluh (10) universiti awam Malaysia yang terlibat sama ada melalui perbincangan fokus berkumpulan mahupun ditemubual secara mendalam. Dapatkan kajian membuka suatu perspektif lanjutan tentang pengalaman komuniti universiti terhadap amalan dan cabaran yang mempunyai implikasi ke atas perlaksanaan dasar pengantarabangsaan pendidikan tinggi negara. Sumbangan kajian ini diharapkan memberi input baru dan mengalihkan tumpuan kontekstual literatur pengantarabangsaan sistem pendidikan yang selama ini dikatakan berfokus bagi tujuan menjana pendapatan sesebuah universiti, kepada pemahaman berbentuk lebih subjektif terutamanya dalam konteks mengutilasikan pengalaman sumber manusia ke arah menyumbang pendidikan tinggi bertaraf antarabangsa.

Kata kunci: *Pendidikan Tinggi, Dasar Pengantarabangsaan, Pengurusan Universiti, Ahli Akademik, Pelajar Universiti*

*Corresponding author: Irma Wani Othman, *Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning, Universiti Malaysia Sabah*, E-mail: irma@ums.edu.my

Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi

Dalam wacana ilmu bertema “*The Concept of University: Beyond Ranking*” oleh YBhg. Prof. Tan Sri Dato’ Dzulkifli Abdul Razak, Pengurus Lembaga Pengarah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 18 Januari 2017 di Dewan Resital Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menyuarakan pandangan kritis berhubung amalan pengantarabangsaan pendidikan negara yang dikatakan terbelenggu dan menekankan status intelektual pengiktirafan kesarjanaan melalui penarafan (*ranking*) universiti bertaraf antarabangsa tanpa memperhalusi maksud di sebalik falsafah dan konsep universitas yang bersifat lebih syumul. Penarafan sebagai universiti bertaraf antarabangsa hanya difahami dengan merujuk kepada kaedah dan skop penarafan itu sendiri di mana kaedah menilai kepersediaan intelektual dan pengiktirafan kesarjanaan universiti tempatan sebagai sebuah institusi pengajian tinggi menekankan kepada ‘hasil’ pencapaian kecemerlangan akademik iaitu melalui kelayakan berasaskan meritokrasi universiti terkemuka dunia. Mantan Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM) itu turut melontarkan pandangan bahawa perkataan ‘pengantarabangsaan pendidikan tinggi’ itu sendiri membawa indikasi diversiti yang memerlukan penelitian yang mendalam. Adakah pandangan yang diunjurkan oleh salah seorang mantan pengurusan atasan universiti bertaraf APEX tersebut diperlihatkan dalam hasil dapatan kajian yang dilakukan ini?

Dalam kajian ini, pandangan berhubung pengantarabangsaan pendidikan tinggi mengandungi dua perspektif yang berbeza namun saling melengkapi antara satu sama lain. Secara perspektif makro, pengantarabangsaan universiti adalah agenda vital Pelan Strategik Kementerian Pengajian Tinggi dalam usaha merealisasikan misi dan visi sistem pendidikan negara menuju ke arah pengantarabangsaan di mana kepelbagaiannya amalan pengurusan universiti negara ini sejajar dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dimeterai pada 27 Ogos 2007. Oleh itu, PSPTN ditafsirkan sebagai asas transformasi pengajian tinggi negara mengandungi pelbagai idea, inisiatif, tindakan penamaian dan polisi antarabangsa pengurusan universiti. Dalam konteks tersebut, universiti bertanggungjawab mendokong misi IPT menuju ke arah pengantarabangsaan melalui jalinan hubungan kukuh di peringkat global dengan keupayaan melicinkan aktiviti warga akademik, penyelidik dan pelajar, mewujudkan persekitaran pembelajaran kondusif serta bertaraf antarabangsa kepada pelajar dan meningkatkan promosi serta aktiviti perekrutan tokoh sarjana akademik yang tersohor. Namun persoalannya adakah ini dilihat sebagai komitmen negara terhadap pengantarabangsaan pendidikan tinggi dengan matlamat untuk memperolehi sasaran diiktiraf sebagai pusat kecemerlangan ilmu di persada dunia? Adakah ianya juga mewujudkan penanda aras bertaraf global bagi kualiti program pengajian yang ditawarkan?

Manakala dari perspektif mikro, sedekad yang lalu menyaksikan seluruh warga universiti diwarwarkan agar memainkan peranan secara efektif mengutilasikan kekuatan sumber fizikal dan modal insan serta pemilikan harta intelektual sejarah dengan dasar pengantarabangsaan sistem pendidikan tinggi negara yang meletakkan pelaksanaan strategik, komprehensif dan bersepadu pelbagai pihak dalam usaha menonjolkan keterlihatan Malaysia sebagai hab kecemerlangan akademik. Setiap peringkat lapisan warga universiti dikerahkan bersedia untuk menjalani transformasi pemikiran dan amalan bekerja sesuai dengan budaya kerja universiti berstatus antarabangsa. Adakah inisiatif yang didokongi oleh segenap lapisan komuniti universiti berupaya meletakkan pengajian tinggi negara berkredibiliti di peringkat antarabangsa, berjaya memperolehi peruntukan tinggi dana serta geran penyelidikan, malahan mencetuskan pembudayaan inovasi penyelidikan yang menghasilkan penerbitan bertaraf antarabangsa? Justeru itu kebolehupayaan tersebut difahami sebagai suatu usaha bagi memastikan kapasiti ahli akademik yang bukan sahaja berkelayakan tetapi juga berpengalaman bagi mengisi perjawatan dan mendasari pembangunan sumber manusia sesebuah universiti.

Persoalan seperti wajarkah dalam usaha menonjolkan keterlihatan Malaysia sebagai hab kecemerlangan akademik di persada antarabangsa, tumpuan diberikan terhadap penglibatan para akademik ekspatriat dalam merangsang kegiatan peringkat antarabangsa pendidikan tinggi negara? Adakah peningkatan kemasukan pelajar cemerlang dari luar negara dan pengambilan intensif sarjana akademik terkemuka berupaya mencapai aspirasi tersebut? Kesinambungan dari itu persoalan berhubung peningkatan kapasiti enrolmen pelajar antarabangsa bagi pembudayaan ilmu dan pembangunan minda kelas pertama bakal tercapai. Bertitiktolak dari perdebatan tersebut, isu yang dikupas dalam kertas kerja ini adalah lanjutan dari kajian Irma Wani *et al.*, (2016c) yang mengkaji kewajaran dasar pengantarabangsaan pendidikan tinggi itu sendiri yang dikatakan mempunyai kelangsungan dengan ketamadunan masyarakat universiti dari aspek perkongsian ilmu sejagat serta berupaya membawa pengajian tinggi negara ke tahap berstatus antarabangsa tanpa terlalu bergantung di atas nilai penarafan pengantarabangsaan (*international ranking*) dari badan tertentu.

Kertas kerja ini turut menerokai kepelbagaian amalan dan cabaran dilalui oleh komuniti universiti iaitu para akademik ekspatriat, golongan mahasiswa antarabangsa dan pihak pengurusan universiti dalam mencorak keperluan dan kepentingan strategik universiti seiring dengan peralihan kontemporari pendidikan tinggi menuju ke arah pengantarabangsaan.

Metodologi Kajian

Penyelidikan kualitatif ini menggunakan kaedah reka bentuk kajian kes dengan mengaplikasikan pilihan penyelidikan menggunakan teknik temubual separa berstruktur (Seidman, 2006). Penyelidikan yang dilakukan bertujuan memperolehi maklumat mendalam berhubung amalan dan cabaran pendidikan tinggi negara. Teknik persampelan bukan kebarangkalian (Bernard, 2000; Patton, 2002) meletakkan kriteria bagi 15 orang akademik dan 15 orang pentadbir universiti yang terlibat secara sukarela dalam kajian ini sebagai individu yang berkhidmat sekurang-kurangnya setahun namun tidak melebihi tempoh 15 tahun perkhidmatan di universiti terpilih. Manakala seramai 25 orang pelajar tempatan dan antarabangsa berstatus mahasiswa sepenuh masa yang sedang mengikuti pengajian dari pelbagai IPT turut berjaya ditemubual di mana kriteria pelajar adalah mereka yang sedang mengikuti pengajian sepenuh masa dan berada di dalam tahun kedua dan ke atas dalam tempoh pengajian mereka.

Pemilihan sepuluh (10) institusi kajian kes bermatlamat untuk menggarap dan mengeneralisasikan perspektif mikro pengalaman tiga kumpulan informan iaitu pihak pengurusan universiti, ahli akademik dan pelajar universiti berhubung pengalaman perlaksanaan dasar pengantarabangsaan IPT Malaysia. Kajian ini berfokuskan objektif yang merangkumi usaha (a) mengkaji amalan dan cabaran pengantarabangsaan dalam sistem pendidikan tinggi, (b) mengemukakan cadangan dasar pengantarabangsaan IPT dengan merujuk secara langsung cabaran yang dihadapi oleh komuniti universiti tersebut. Proses analisis data induktif menggunakan teknik tematik oleh Creswell (2013) diaplikasikan menerusi beberapa peringkat pembinaan konsep dan tema. Penggunaan catatan transkripsi temu bual mendalam diutilasikan oleh penyelidik dalam menjalankan analisa tematik melalui teknik pengekodan dan pengkategorian di mana corak dan tema yang dijana berdasarkan penilaian pengalaman informan berhubung dasar pengantarabangsaan IPT diperolehi (Creswell, 2009; 2013).

Amalan dan Cabaran Pengantarabangsaan Institusi Pendidikan Tinggi

Analisa kajian ini dilakukan tertumpu bagi meneliti amalan dan cabaran pengantarabangsaan pendidikan tinggi Malaysia di mana hasil dapatan ini turut mempersembahkan pandangan berguna berhubung isu pengantarabangsaan dari sudut pandangan dan pengalaman aktor-aktor dalam komuniti universiti itu sendiri. Secara umumnya, hasil dapatan mencadangkan pengalaman multidimensi tiga kumpulan iaitu pihak pengurusan, ahli akademik dan golongan pelajar terhadap cabaran proses pengantarabangsaan pendidikan tinggi. Ianya mempunyai perbezaan pandangan dari sudut idealisme dan pragmatisme yang mempunyai kelangsungan dengan aspek akademia dan ketamadunan pembudayaan ilmu.

(a) Perspektif Pengurusan Universiti

Persoalan utama yang ditimbulkan dalam kajian ini menjurus kepada hasil dapatan daripada kajian-kajian lepas Irma Wani *et al.*, (2014) dan Irma Wani *et al.*, (2016b) yang mengkaji bagaimanakah amalan pengantarabangsaan bagi sesebuah universiti direalisasikan oleh institusi pendidikan tinggi negara ini. Terdapat pandangan yang berbeza berdasarkan status universiti yang turut berbeza seperti yang telah disarankan oleh informan kajian ini. Sebagai contohnya bagi universiti bertaraf universiti penyelidikan, pendekatan yang diambil lebih menitikberatkan terhadap elemen “*university ranking*” yang secara tidak langsung berupaya memberi pengiktirafan terhadap kredibiliti sesebuah universiti tersebut melalui program yang ditawarkan, kualiti graduan yang dihasilkan, bilangan dan jumlah dana serta geran penyelidikan yang diperolehi, pengisian perjawatan akademik ekspatriat tersohor, peningkatan bilangan pelajar antarabangsa yang mendaftar dan menamatkan pengajian dengan cemerlang dan peningkatan bilangan pelajar pasca siswazah (Morshidi Sirat, 2007).

Selain dari berperanan sebagai faktor penarik pelajar cemerlang dalam dan luar negara, perlantikan sarjana akademik terkemuka dan berkredibiliti memangkin pembudayaan ilmuan bertaraf global dan menggerakkan usaha penyelidikan secara lebih berfokus dan agresif (Herlina Jupiter *et al.*, 2016). Ini turut disokong oleh penyelidikan yang lepas oleh Irma Wani *et al.*, (2014) yang mengklasifikasikan inisiatif ‘*brain-gain*’ melalui polisi menarik saintis luar menerusi program khas sarjana tempatan mahupun sektor korporat dilakukan oleh universiti sebagai usaha pihak pengurusan universiti dalam mencipta peluang pekerjaan dan memberikan taraf kewarganegaraan dan secara tidak langsung menyuburkan iklim akademia negara ini. Gandingan kerjasama ahli akademik tempatan dan antarabangsa melibatkan universiti terkemuka memantapkan lagi kerjasama penyelidikan peringkat antarabangsa yang sekaligus memperkasa taraf pengantarabangsaan IPT itu sendiri.

Sementara itu, bagi universiti yang baru ditubuhkan dan masih berada dalam fasa pembangunan sumber manusia yang memerlukan tumpuan jitu ke arah “*internal factor development and enhancement*”. Antara pandangan yang diperolehi oleh pengurusan atasan universiti yang terpilih dalam kajian ini seiring dengan cadangan yang dikemukakan oleh Irma Wani *et al.*, (2016a) yang menyatakan bahawa bagi melengkapkan ahli akademik yang berasaskan ilmu dan kepakaran maka usaha melahirkan pensyarah muda berkelayakan bukan sahaja di peringkat kedoktoran. Malahan satu aspek yang dititikberatkan adalah penglibatan pensyarah muda dalam melanjutkan pengajian tinggi di peringkat pascakedoktoran. Mewujudkan pengkhususan dan kepakaran bagi setiap ahli akademik secara tidak langsung melahirkan lebih ramai lagi tokoh ilmuan tersohor dalam kalangan pensyarah tempatan. Lantas satu kelebihan yang diperolehi oleh sistem pendidikan tinggi negara adalah memperhebatkan lagi direktori kepakaran sesebuah universiti serta menjadi asas vital kepada pengiktirafan pengantarabangsaan.

Selain dari itu, bagi universiti yang masih baru mengorak langkah dalam mewujudkan persekitaran komuniti kampus yang berstatus warganegara global maka inisiatif dari golongan pelajar tempatan dilihat kurang mengambil peluang dalam memanfaatkan sepenuhnya kelebihan pelajar antarabangsa terutama dari aspek kepelbagaian budaya, bahasa dan pendidikan yang boleh digarap masuk dalam memantapkan pembudayaan ilmu (Nazri, 2000; Hasbullah *et al.*, 2016). Komuniti akademik bertaraf global diasaskan melalui silaturahim warga kampus dari pelbagai latar belakang yang teruja menerokai ilmu serta meletakkan hala tuju masa depan mereka dengan penguasaan ilmu ketika bergelar mahasiswa di universiti. Wujudnya komuniti akademik mesra ilmu, proaktif berwacana dan berwawasan merangsang persekitaran kampus berkualiti dan menjana kelangsungan kesejahteraan warga universiti pelbagai warganegara serta sinonim dengan iklim akademik universiti ternama dan ianya patut dicontohi oleh universiti yang masih baru.

Manakala menyentuh pengurusan pelajar oleh pihak universiti pula, antara cadangan utama yang dimajukan oleh informan kajian ini menekankan kepada pengambilan pelajar holistik di mana pihak universiti bertanggungjawab untuk melakukan saringan dalam pemilihan siswazah berdasarkan pencapaian akademik, kokurikulum dan program pilihan pelajar (Herlina Jupiter *et al.*, 2016). Isu ketidakselarasan personaliti dan minat program yang diikuti sepanjang tempoh di universiti telah dibuktikan mengundang pelbagai permasalahan ketika berada di alam pekerjaan seperti persembahan mutu kerja yang berprestasi rendah dan mempotensi yang besar untuk bertukar kerjaya yang diceburi. Hasil dapatan kajian ini membuktikan *mismatch* program pengajian yang tidak tepat dengan personaliti, minat, nilai dan potensi sebenar pelajar memberikan kesan terhadap pencapaian akademik yang tidak memuaskan, kekecewaan, pertukaran program dan penarikan diri dari program pengajian. Rentetan dari itu, pandangan umum menjadi *sceptical* di mana ianya telah mengakibatkan universiti dipertanggungjawabkan kerana tidak berupaya melahirkan graduan yang bermutu tinggi.

Fenomena ini turut memberi implikasi negatif terhadap reputasi jangka masa panjang pihak universiti yang pada awalnya hanya berpunca dari ketidakselarasan pada peringkat pemilihan calon pelajar lagi. Justeru itu, keselarasan antara program pengajian dengan personaliti dan minat, nilai dan potensi sebenar merupakan kriteria utama yang harus diambilkira dalam kemasukan seseorang pelajar ke dalam ses sebuah program di universiti (Herlina Jupiter *et al.*, 2016). Antara cadangan yang dikemukakan oleh informan kajian ini adalah seperti memeriksa kesahihan testimoni pelajar, mewajibkan peperiksaan secara berperingkat saringan kemasukan melalui ujian personaliti dan melaksanakan temubual berkumpulan mahupun perseorangan terutamanya bagi calon pelajar yang bakal mengikuti program kritikal seperti program perubatan, perundangan dan sebagainya adalah antara yang dicadangkan oleh informan dalam kajian ini.

Sementara itu informan kajian turut melontarkan pandangan berhubung cabaran pihak pengurusan universiti yang tidak boleh dipandang ringan adalah bagi memastikan wujudnya hubungan baik antara pihak industri dan pihak universiti dalam menjana kerjasama jangka masa panjang (Siti Hamisah, 2008). Isu yang sering timbul dikaitkan dengan faktor universiti baru atau lebih dikenali dengan nama ‘universiti muda’ sebagai penyumbang kurangnya jalinan hubungan berbentuk industri-universiti. Impak tersebut mengakibatkan jalinan kerjasama industri-universiti tertumpu pada pengkormersialan program pendidikan bagi pelajar prasiswazah dan pascasiswazah sahaja. Sebahagian dari universiti muda juga hanya melihat hubungan industri-universiti sebagai platform pengembangan latihan profesional dan program pendidikan bagi pengembangan latihan profesional dan program pendidikan semata-mata. Menurut Sohail Inayatullah (2005; 2006), kerjasama penyelidikan menerusi pembiayaan dari industri ditekankan dari aspek pengkomersialan harta intelek kepada industri dilakukan melalui pembayaran honorarium, penjanaan dari perolehan perlesenan dan peratusan komisen. Oleh yang demikian, inisiatif khusus dilakukan dalam membentuk syarikat persendirian

bernaung di bawah pengurusan pihak universiti.

Seterusnya turut ditekankan oleh segelintir responden kajian ini adalah isu perolehan geran gandingan industri luar yang dilihat sebagai memudahkan universiti memperolehi rakan perkongsian pintar menggunakan kos minimal dan seiring dengan dasar penjimatan oleh kerajaan. Hubungan langsung rakan kongsi tempatan mempertingkatkan lagi peluang kebolehpasaran produk universiti di mana ianya meluaskan peluang pihak universiti melaksanakan usaha penjanaan kewangan sendiri secara diversiti terutamanya dengan tertubuhnya syarikat berdasarkan kepakaran dalaman universiti. Rentetan dari itu, perlantikan ahli akademik sebagai perunding profesional industri berpotensi mengembangkan pendapatan universiti serta menyuburkan hubungan jangka masa panjang antara industri dan pihak universiti (Siti Hamisah, 2008). Usaha jaringan penyelidikan dan industri wajar dilaksanakan dengan memberi tumpuan terlebih dahulu kepada institusi dan organisasi dalam negara agar hasil penyelidikan tersebut menarik minat pihak industri luar untuk pengkormersialan produk universiti.

Manakala terdapat persamaan pandangan informan dari hampir ke semua IPT yang terlibat di dalam kajian ini iaitu peri penting bagi pihak universiti mewujudkan Pusat Hal Ehwal Hubungan Antarabangsa yang mempunyai kredibiliti dan kelestarian bagi mendokong wawasan universiti dalam mencapai status pengantarabangsaan melalui usahasama di peringkat global merupakan suatu cabaran pihak pengurusan (Irma Wani *et al.*, 2016b). Secara dasarnya komitmen universiti dalam memastikan penubuhan pusat hal ehwal hubungan antarabangsa dikira sebagai meliputi tanggungjawab pihak pengurusan mendokong misi universiti menuju ke arah pengantarabangsaan. Peranan utama Pusat Hal Ehwal Hubungan Antarabangsa dilaksanakan melalui jalinan hubungan kukuh di peringkat global, melicinkan aktiviti pertukaran warga akademik, penyelidik dan pelajar, mewujudkan persekitaran pembelajaran kondusif kepada pelajar antarabangsa dan meningkatkan promosi serta aktiviti perekrutan ekspatriat akademik (Irma Wani *et al.*, 2016b; 2016c).

Antara inisiatif pihak pengurusan universiti adalah seperti (i) memperhebatkan lagi hubungan kolaborasi penyelidikan antarabangsa menggunakan “*niche areas*” kepakaran akademik bagi memperolehi geran penyelidikan dan penerbitan antarabangsa; (ii) menggalakan jalinan hubungan akademik melalui penyertaan persidangan antarabangsa; (iii) menggalakkan penglibatan bersama (*collaborating partners/institutions*) dengan memasuki MoU dan MoAs di peringkat antarabangsa; (iv) membentuk unit-unit penyelidikan bekerjasama dengan universiti terkemuka bagi tajaan “*fellowships*”; (e) mengadakan “*road-shows*” yang melibatkan “*international education fairs*” bagi menarik lebih ramai kakitangan akademik dan pelajar antarabangsa (Irma Wani *et al.*, 2014; Herlina Jupiter *et al.*, 2016).

Secara umumnya, pandangan pihak pengurusan universiti terhadap cabaran pengantarabangsaan yang paling kritikal adalah tentang bagaimana *Key Performance Index (KPI)* universiti dapat dicapai melalui sasaran yang ditetapkan. Kebimbangan terhadap KPI yang semakin rumit dan dalam liga persaingan yang bertambah hebat antara universiti turut meletakkan pihak pengurusan cuba mencari penyelesaian terbaik. Secara umumnya, pandangan pihak pengurusan universiti terhadap cabaran pengantarabangsaan yang paling kritikal adalah tentang bagaimana *Key Performance Index (KPI)* universiti dapat dicapai melalui sasaran yang ditetapkan. Kebimbangan terhadap KPI yang semakin rumit dan dalam liga persaingan yang bertambah hebat antara universiti turut meletakkan pihak pengurusan cuba mencari penyelesaian terbaik.

(b) Perspektif Ahli Akademik

Pandangan informan kajian dari pelbagai institusi pengajian tinggi berhubung amalan pengantarabangsaan terutamanya dari kalangan golongan akademia berkecenderungan

menehkankan kemajuan ilmu dan pencapaian status pengantarabangsaan dalam usaha meletakkan universiti pada kedudukan setara secara global (Irma Wani *et al.*, 2016b). Informan kajian mengusulkan bahawa pihak pengurusan atasan universiti dan kedekanan fakulti di dalam sesebuah universiti sebagai aktor utama yang memangkinkan secara intensif perlaksanaan dasar pengantarabangsaan itu sendiri. Manakala tidak lepas juga pandangan dari informan kajian yang menafsirkan amalan pengantarabangsaan di luar dari kotak minda pemikiran iaitu dengan melakukan penelitian tentang bagaimana ketamadunan pembudayaan ilmu bagi universiti bertaraf dunia sewajarnya menekankan proses pemantapan budaya ilmu dalam mempertingkatkan ketamadunan warga universiti itu sendiri.

Ini dibuktikan dengan isu-isu yang dibangkitkan oleh informan kajian yang merujuk kepada perkembangan iklim akademik IPT Malaysia sebagai dilihat bertindak secara pro-aktif dalam inisiatif memperkasakan pembudayaan ilmu dalam kalangan komuniti menara gading (Irma Wani, Norazah dan Muhammad Safuan, 2012; Hasbullah *et al.*, 2016). Satu elemen yang dikenalpasti seiring perkembangannya dengan sistem pendidikan tinggi negara ini adalah kewujudan kepelbagaian masyarakat universiti yang terdiri dari komuniti ahli akademik ekspatriat dan pelajar antarabangsa (Irma Wani *et al.*, 2016b). Namun demikian dalam usaha mewujudkan persekitaran yang secara kondusif memangkinkan budaya ilmu, kurang inisiatif ditekankan oleh pihak pengurusan universiti mempertingkatkan pemantapan budaya ilmu dalam kalangan warga universiti (Yoshihara, 2001).

Bagi menghuraikan dengan lebih lanjut perspektif ahli akademik adalah merujuk kepada usulan informan kajian berhubung program pembudayaan siswazah tahun program pengajian di mana pelajar tahun pertama dikatakan paling berkecenderungan berhadapan dengan perubahan psikologi akibat mengalami perubahan signifikan dalam fasa kehidupan (Hasbullah *et al.*, 2016). Ahli akademik mengesyorkan kepada pihak pengurusan universiti agar memberi tumpuan dalam memastikan kesejahteraan kesihatan mental pelajar yang dikatakan berada dalam tahap “kerapuhan minda dan semangat” dengan mengambil inisiatif melakukan pemantauan terhadap indikasi perubahan psikososial semasa fasa-fasa transformasi dan asimilasi kehidupan tahun pertama di universiti (Morshidi Sirat, 2007). Rangkaian sokongan perkhidmatan penstabilan emosi kepada pelajar dikatakan berupaya dalam menyumbang kelestarian seiring dengan falsafah ‘menginsani pengajian tinggi’ iaitu ke arah pembangunan modal insan cemerlang dilihat sebagai senjata utama yang digunakan oleh universiti terkemuka dunia. Kebajikan dan kesejahteraan pelajar merupakan asas kepada pencapaian dan pembentukan graduan yang berkualiti dan dihormati.

Selain dari itu, perspektif ahli akademik juga rata-rata tidak dapat lari dari memperkatakan tentang elemen prasarana yang meliputi persediaan peralatan pengajaran dan pembelajaran, peruntukan penyelidikan, polisi pembuatan keputusan dan pengurusan sumber manusia dipertingkatkan kualiti agar menjadi setaraf dengan pengurusan universiti bertaraf antarabangsa (Muhammad Safuan *et al.*, 2015). Sebilangan besar dari ahli akademik bersepakat menyatakan dalam aspek pembangunan pelajar, penekanan terhadap peningkatan sahsiah serta pelaksanaan berlandaskan konsep 1Malaysia seperti yang diwarwarkan oleh kerajaan harus dipertingkatkan dalam usaha menyemarakkan proses integrasi antara kaum dalam komuniti universiti yang terdiri bukan sahaja dari masyarakat tempatan bahkan masyarakat kewarnegaraan global (Irma Wani *et al.*, 2016b). Untuk tujuan tersebut perubahan struktur pengurusan HEPA membawa kepada penubuhan pusat pembangunan pelajar di mana ianya berfokuskan penglibatan pelajar dalam pelbagai program kurikulum yang keseluruhannya diberikan kredit untuk bergraduat.

Majoriti dari informan kajian juga menyentuh tentang isu inisiatif prasarana penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dikatakan menjadi tunggak kepada pencapaian status pengantarabangsaan sesebuah universiti. Pandangan umum informan kajian mengatakan budaya tidak mesra saintis telah menyukarkan pembangunan penyelidikan dalam

sesebuah universiti itu sendiri. Ini disokong dalam kajian Lee (2006), di mana hasil dapatan kajian beliau mengusulkan bagaimana pengkormersialan produk R&D universiti amat diperlukan dalam mencapai pengiktirafan dunia iaitu seiring dengan usaha melahirkan “*laureates*” dalam kalangan ahli akademik tempatan. Namun begitu, isu peruntukan kewangan yang menjadi tulang belakang pembangunan prasarana penyelidikan khususnya dalam bidang teknologi dan produk tempatan yang tidak mudah untuk diperolehi dewasa ini turut menjadi tumpuan perbincangan dan dianggap merupakan cabaran besar bagi ahli akademik (Elkin, Farnsworth dan Templer, 2008).

Manakala permasalahan perolehan dana tertumpu yang pada kerentah birokrasi dan peraturan berhubung polisi dalaman universiti itu sendiri tidak lagi dikatakan alasan utama. Isu beralih kepada iklim ekonomi negara yang merudum telah menyukarkan saluran sumber kewangan bagi menampung penyelidikan. Jika suatu ketika dahulu, pembudayaan penyelidikan disuburkan melalui penganugerahan geran dalaman berdasarkan *niche* universiti masing-masing agar ‘*action-research*’ diimplementasikan secara proaktif agar impak segera dapat dihasilkan (Universiti Sains Malaysia, 2007). Namun kini usaha meraih anugerah penyelidikan dengan menyertai pertandingan hasil penyelidikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa memerlukan usaha berganda ahli akademik mencari dana penyelidikan dari sumber luar. Ini mencorak pembudayaan inovatif penyelidikan yang baru yang tidak lagi tertumpu kepada pihak universiti. Tanggungjawab sosial dalam menjana budaya inovatif khususnya penciptaan barang, pemikiran, sistem dan kaedah baru berpotensi menggalakkan para akademik melibatkan masyarakat umum dan pihak luar dalam mengembangkan inovatif sebagai salah satu cara memperolehi pengiktirafan antarabangsa.

(c) Perspektif Mahasiswa

Sebagai sistem pendidikan tinggi Malaysia yang berwawasan menuju ke arah pengantarabangsaan, persediaan modal insan dikatakan merujuk kepada penanda aras liberalisasi warga universiti terhadap pembinaan minda, sikap dan perlakuan modal insan berkualiti tinggi yang berkebolehan mencapai tahap kecemerlangan di peringkat global. Kecemerlangan akademik dan siswazah yang mampu berdaya maju adalah dua elemen vital dalam pembentukan modal insan berprestasi tinggi dalam konteks akademik dan kemanusiaan. Hasil dapatan kajian yang datangnya dari golongan pelajar mengemukakan pandangan bernas bahawa dalam usaha untuk menjana graduan yang memiliki kemahiran yang seimbang dan menyeluruh baik dari sudut kualiti intelektual mahupun ketrampilan insaniah, pihak universiti seharusnya memberi penekanan terhadap pembangunan siswazah secara holistik. Cabaran besar yang dihadapi oleh para graduan selepas menamatkan pengajian di peringkat universiti adalah tidak berupaya bersaing di pasaran luar disebabkan oleh kegagalan untuk memperlihatkan nilai seimbang diri iaitu antara kecerdikan akademik dan kemahiran kemanusian (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 2004).

Bagi mengatasi permasalahan ini, informan kajian mengesyorkan beberapa bentuk perkhidmatan sokongan akademik siswazah yang berperanan memberikan fokus meningkatkan pengetahuan, kemahiran insaniah, keupayaan dan kredibiliti pelajar siswazah dalam usaha menghasilkan modal insan berprestasi tinggi (Fuller, 2005). Tumpuan diberikan terhadap aspek-aspek kemahiran generik seperti elemen kognitif iaitu kemahiran bukan akademik seperti nilai positif, kepimpinan, kerjasama, berpasukan, komunikasi dan pembelajaran berterusan. Program, kursus dan bengkel anjuran HEPA universiti berperanan sebagai jambatan membantu perkara yang berkaitan dengan kehidupan sebagai pelajar siswazah dan melibatkan diri sebagai mentor kepada pelajar yang lemah. Bagi menggalakkan penyertaan maka ianya boleh dilaksanakan secara timbalbalik dengan memberikan pengiktirafan terhadap penglibatan pelajar dalam program pembangunan siswa sepanjang pengajian mereka di universiti. Setiap penglibatan aktiviti pelajar di luar keperluan akademik direkodkan dalam

pangkalan data secara sistematik dan diletakkan dalam transkrip selepas bergraduasi kelak. Selain dijadikan nilai tambah terhadap pencapaian akademik, ianya berupaya memberi gambaran yang lebih positif kepada pihak bakal majikan dan industri terhadap kualiti produk universiti tempatan.

Rentetan dari itu, pandangan dari perwakilan pelajar yang terlibat sebagai informan kajian ini mengusulkan pihak universiti mewujudkan platform idealisme pelajar di setiap kampus. Menurut Irma Wani *et al.*, (2016a) elemen melontarkan pandangan dan hujah pelajar terhadap isu-isu yang diketengahkan dalam kalangan golongan pelajar itu sendiri berupaya mencetus suatu fenomena perubahan idealisme mahasiswa yang lebih bertanggungjawab, memperlihatkan kematangan dan kredibiliti dalam merasionalisasikan tindakan mereka. Oleh itu, pihak pengurusan universiti diharapkan dapat mendeligasikan mandat kepercayaan kepada mahasiswa dalam melontarkan idea dan pandangan berkaitan isu semasa kampus sama ada akademik mahupun kebajikan melalui platform perbincangan dan perbahasan antara mahasiswa dengan wakil mereka.

Bertitiktolak dari itu, pelbagai program boleh diatur untuk membolehkan mahasiswa mendapat manfaat sepanjang pengajian mereka di universiti. Usaha ini mendokong matlamat pendidikan tinggi negara menerokai masa depan menerusi pengembangan modal insan dalam satu pasukan demi mendaulatkan ilmu pengetahuan untuk kesejahteraan masyarakat sekeliling. Oleh itu, usaha universiti dilihat sebagai suatu usaha yang berjaya dalam menghasilkan pemimpin masyarakat berkaliber demi menggalakkan kegiatan di luar bidang akademik. Ini dilaksanakan dengan memupuk perasaan tanggungjawab dan menerapkan sifat kepimpinan dalam kalangan mahasiswa menerusi penglibatan aktiviti yang berteraskan semangat sikap bantu-membantu. Sinergi positif ini membuktikan bahawa hubungan antara pihak universiti dengan mahasiswa adalah akrab. Malahan ianya dipersetujui dan dianggap oleh informan kajian sebagai tindakan wajar oleh pihak pengurusan universiti dalam usaha menyediakan dan menyuburkan ekosistem ideal untuk mahasiswa belajar di samping mempraktikkan ilmu yang diperolehi sepanjang pengajian di universiti.

Melalui hasil dapatan kajian ini juga turut mempersempit pandangan informan berhubung kualiti perkhidmatan universiti sepanjang tempoh pengajian mereka. Dalam perspektif tersebut, golongan pelajar dikatakan sentiasa melakukan perbandingan antara jangkaan pelajar sebagai pelanggan dengan persepsi mereka terhadap perkhidmatan yang telah diterima. Oleh itu, jika jangkaan melebihi prestasi, hal ini bermakna pelanggan akan kurang berpuas hati terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh universiti tersebut. Manakala jurang antara jangkaan pelanggan dan prestasi semasa dikurangkan dengan memperbaiki kecekapan perkhidmatan. Hasil dapatan menyarankan nilai terbaik pengukuran kualiti perkhidmatan dalam kalangan pelajar adalah jangkaan pelanggan yang boleh memenuhi persepsi pelajar. Dalam erti kata lain, cabaran pihak universiti adalah semakin besar nilai negatif sesuatu pengukuran, maka semakin tinggi komitmen yang perlu diberikan oleh pihak universiti.

Menyokong usaha tersebut, inisiatif peningkatan kualiti terhadap proses pengurusan dilaksanakan oleh pendidikan tinggi negara ini dengan memperkenalkan pengiktirafan melalui Sijil ISO unit audit dalam setiap universiti (Sufean, 2002). Ianya berfungsi bagi menimbulkan kesedaran terhadap kekurangan yang berlaku dalam pengurusan universiti yang boleh dibaiki secara bersepada oleh warga universiti itu sendiri. Manakala bagi program yang ditawarkan bagi memenuhi struktur baru Kerangka Kelayakan Malaysia atau MQF, peningkatan kualiti akademik dinilai semula merupakan perancangan penawaran program terkini dan relevan bagi memenuhi kehendak kontemporari ditawarkan secara berperingkat seiring dengan proses pengambilan dan latihan pembangunan ahli akademik (Morshidi Sirat, 2007).

Kesimpulan

Secara dasarnya intensiti proses pengantarabangsaan pendidikan tinggi di Malaysia menjadi satu alasan yang kukuh untuk melaksanakan perubahan dalam pendidikan tinggi negara. Aspirasi meletakkan universiti berstatus dunia meletakkan hala tuju akademik dan tadbir urus sumber manusia dalam mencorak keperluan dan kepentingan strategik universiti seiring dengan peralihan kontemporari pendidikan tinggi. Perspektif mikro oleh tiga pihak informan berhubung amalan dan cabaran pengantarabangsaan pendidikan tinggi Malaysia seperti mana yang dikemukakan dalam kertas kerja ini mencadangkan isu dan persoalan yang rumit tetapi menarik untuk tidak dipandang remeh. Justeru itu, kajian pengalaman aktor-aktor dalam masyarakat universiti tersebut dikatakan signifikan dengan dasar pengantarabangsaan IPT serta boleh diutilasikan oleh pembuat polisi, ahli akademik dan para mahasiswa. Cadangan yang dikemukakan oleh informan kajian ini berpotensi mengukuhkan status universiti tempatan sebagai universiti berprestij dan menempatkannya di persada antarabangsa.

Penghargaan

Setinggi penghargaan diberikan kepada pihak yang terlibat secara langsung dalam merealisasikan penyelidikan ini sama ada dalam bentuk dana penyelidikan maupun sumbangan kepakaran antaranya adalah Skim Geran Penyelidikan Bidang Keutamaan Universiti Malaysia Sabah SBKo268-SS-2016 *First Experience Of International Students In Malaysia: A Public Higher Education Viewpoint* dan SBKo155-SS1-2014 Memanfaat Pengalaman Akademik Ekspatriat di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia: Dasar dan Pengantarabangsaan Universiti Malaysia Sabah.

Bibliografi

- A. Aziz Deraman. (2001). *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Latif Samian. (2005). "Strategi merealisasikan program pemekaan perpaduan di Institusi Pengajian Tinggi Awam" dlm. *Readings on Ethnic Relations in a Multicultural Society*, disunting oleh Muhammad Kamarul Kabilan dan Zaharah Hassan. Serdang: Penerbit UPM.
- Bernard, H. (2000). *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Elkin, G., Farnsworth dan A. Templer. (2008). Strategy and Internationalization of Universities. *International Journal of Educational Management*, 22(3).
- Fuller, S. (2005). The Intellectual. Icon Books, London
- Creswell, J. W. (2007). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Tradition* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Creswell, J. W. (2009). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing among Five Approaches* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Creswell, J. (2013). *Qualitative Inquiry and Research Design. Choosing among five approach*. Los Angeles: Sage Publication Ltd.
- Hasbullah, A., Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., Norazah M. S., & Herlina J. (2016). First Year Experience of International Students in University Malaysia Sabah (UMS): A Public Higher Education. *Proceeding International Conference on Social and Economic Development* (2016). Universiti Malaysia Terengganu. 1-3 November 2016.

- Herlina, J., Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., & Hasbullah A. (2016). Faktor Mempengaruhi Keputusan Pelajar Antarabangsa dalam Pemilihan Destinasi Pengajian Luar Negara. *Proceeding International Conference on Social and Economic Development* (2016), Universiti Malaysia Terengganu, 1-3 November 2016.
- Irma Wani, O., Norazah, M. S., & Muhammad Safuan, Y. (2012). Kajian eksploratif pengalaman kerjaya antarabangsa ekspatriat akademik di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 6(2012), 45-63.
- Irma Wani, O., Norazah, M. S., Muhammad Safuan, Y., & Nor Arifah, M. N. (2014). Memanfaat Pengalaman Akademik ekspatriat: Dasar Dan Polisi Pengantarabangsaan Universiti Malaysia Sabah. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 8(2014), 58-72.
- Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., Hasbullah, A., Herlina, J. (2016a). Dinamisme Pendidikan Tinggi: Pembinaan Modal Insan Antarabangsa. *Journal of Education and Social Sciences*, 5(2), 339-345.
- Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., Hasbullah, A., Herlina, J. (2016b). Mengantarabangsaan Pendidikan Tinggi: Universiti dan Kewarganegaraan Global. *Proceeding 6th International Conference on Global Business & Social Entrepreneurship Kota Bharu Kelantan* (2016). 7-8 December 2016.
- Irma Wani, O., Muhammad Safuan, Y., Hasbullah, A., Herlina, J. (2016c). Memanfaatkan Sumber Manusia Antarabangsa: Dasar Pengantarabangsaan Universiti Malaysia Sabah. *Proceesing 7th International Conference on Global Business & Social Entrepreneurship Kundasang Sabah* (2016). 27-28 November 2016.
- Lee Lik Meng. (2006). Developing The Framework to Identify Focal Issues and Driving Forces for Higher Education in Malaysia. 18 September 2006.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (2004). *Dinamika Sistem Pengajian Tinggi*. Skudai: Penerbit UTM.
- Morshidi Sirat. (2007). Model Sistem Pendidikan Tinggi dan Universiti untuk Malaysia: Kerangka dan Pengisinya. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Safuan, Y., Irma Wani, O., Norazah, M. S., & Rudy Adie, R. (2015). Kerjaya dan Ekonomi Sebagai Motif Ekspatriasi Ekspatriat Akademik Di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 9(2015), 36-47.
- Nazri Bin Muslim. (2000). "Membudayakan Sikap Toleransi Antara Kaum". Berita Harian, 23 Februari 2000.
- Siti Hamisah Tapsir. (2008). *The University Industry Partnerships Fostering Strategic Linkages at Institutes of Higher Learning in Malaysia*. Skudai: Research Management Centre, Universiti Teknologi Malaysia.
- Sufean Hussin. (2002). Inovasi Dasar Pendidikan Perspektif Sistem dan Organisasi. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research & evaluation methods (3r edition)*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Seidman, I. (2006). *Interviewing as Qualitative Research: A Guide for Researchers in Education and the Sciences*, (3rd ed.). Teachers College Press.
- Sumit, K. Mandal. (2000). Menimbang Semula Globalisasi Budaya: Bahasa Inggeris di Malaysia. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sohail Inayatullah. (2006). Images and Trends in Intention: The Alternative Future of the University. Universiti Sains Malaysia, Penang.
- Sohail Inayatullah. (2005). Creating The Future of Higher Education in Malaysia: Implications for USM. Universiti Sains Malaysia, Penang.
- Universiti Sains Malaysia. (2007). Constructing Future Higher Education Scenarios: Insight from Universiti Sains Malaysia. Penang, Universiti Sains Malaysia Press.
- Yoshihara Kunio. (2001). *Globalization and National Identity*. Petaling Jaya: Falcon Press.